

Peneraju baharu KPDN diumumkan bulan depan

Kuala Lumpur: Peneraju baharu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi menggantikan Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub, akan diumumkan selepas selesai Pilihan Raya Negeri (PRN), bulan depan.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim, berkata ketika ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak Dan Tugas-Tugas Khas), Datuk Armizan Mohd Ali memangku tugas ditinggalkan Ahli Parlimen Pulaui itu yang meninggal dunia 23 Julai lalu.

“Saya bincang, nampak tidak

ada gangguan (urusan kementerian). Saya minta Armizan tumpu agak lebih sikit di kementerian (KPDN) dan Fuziah (Timbalan Menteri KPDN, Fuziah Salleh) pun sudah faham betul (tugasan), jadi boleh jalan. Biar lepas PRN (lantikan baharu), bagi masa saya fikir,” katanya.